

06/10/1999

Mapen II dijangka serah laporan akhir Ogos 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) dijangka menyiapkan laporan akhir untuk diserahkan kepada kerajaan pada Ogos tahun depan, iaitu sebulan lebih awal.

Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Mapen II, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata laporan itu yang akan menjadi input kepada penyediaan rancangan pembangunan lima tahun kerajaan selepas tahun 2000, akan dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet untuk tindakan lanjut.

"Kita akan menyerahkan laporan itu sebulan lebih awal daripada tarikh September 2000 yang ditetapkan kerajaan sebelum ini, untuk memberi masa kepada Jabatan Perdana Menteri menyediakan kertas Kabinet.

"Kita tidak mahu terlewat seperti Mapen I dahulu dan ini mendatangkan masalah kepada Unit Perancangan Ekonomi yang menjadi sekretariat Majlis Pembangunan Negara," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian seminar kebangsaan mengenai "pentadbiran korporat daripada perspektif Islam" di sini, hari ini.

Mapen II, yang dianggotai 155 wakil pelbagai pertubuhan dan kumpulan serta individu, dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 5 Ogos lalu yang akan menjadi forum untuk mengenengahkan idea ke arah perubahan paradigma demi merancang masa depan negara.

Tujuh jawatankuasa yang ditubuhkan ialah Kewangan dan Perbankan Islam; Sains dan Teknologi; Perpaduan Negara; Penyusutan; dan Pembangunan Manusia. Ahmad Sarji berkata, Mapen II menerusi tujuh jawatankuasa itu menjalankan tugas masing-masing dengan lancar.

"Saya sudah mengarahkan mereka menyiapkan laporan awal bulan depan untuk dibentangkan kepada jawatankuasa pemandu Mapen II pada Disember ini.

"InsyaAllah pada 10 Januari, sidang pleno Mapen II akan diadakan untuk membahaskan laporan awal yang disediakan oleh jawatankuasa pemandu yang saya penguruskan," katanya.

Katanya, laporan Mapen II untuk diserahkan kepada kerajaan Ogos tahun depan adalah satu input yang terpenting kerana Mapen dianggotai pelbagai lapisan masyarakat.

Mesyuarat pertama Mapen II diadakan pada 6 Ogos lalu dan mesyuarat kedua akan diadakan 10 Januari.

Mapen II adalah majlis perundingan ketiga seumpamanya ditubuhkan kerajaan. Proses perundingan antara wakil-wakil masyarakat pertama kali diadakan pada Januari 1970 apabila kerajaan di bawah pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) menubuhkan Majlis Perundingan Negara.

Majlis perundingan itu diwujudkan untuk mendapat pemuafakatan masyarakat mengenai garis panduan kerjasama antara kaum dan integrasi sosial bagi membentuk identiti nasional Malaysia.

Ini membuka laluan kepada penubuhan Mapen I pada Januari 1989 dan kini Mapen II. Selain menilai pencapaian Dasar Pembangunan Negara (DPN) yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Mapen II juga bertujuan memastikan Wawasan 2020 tercapai.

(END)